

Keberkesanan Program Gemilang 7 (G7) Satu Kajian Kes Di Daerah Segamat

Zainudin bin Abu Bakar & Ismail Bin Haji Buang

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pelaksanaan perkongsian pintar Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Segamat. Fokus utama kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kemudahan di SKM dan pendapat serta cadangan Guru Besar SKM tentang perkongsian yang dilaksanakan. Empat aspek tahap kemudahan yang dikaji iaitu kajian tentang tahap kemudahan fizikal, sumber manusia, peralatan dan bahan, dan bahan rujukan. Seramai enam guru besar sebagai responden terlibat dalam kajian ini. Responden ini adalah terdiri daripada Guru Besar SKM yang terlibat di dalam Program Gemilang 7. Semua data diperolehi daripada soal selidik. Soal selidik mengandungi enam bahagian iaitu; Bahagian A, latar belakang sekolah dan latar belakang responden, Bahagian B, tahap kemudahan fizikal, Bahagian C, tahap sumber manusia, Bahagian D, tahap kemudahan peralatan/bahan, Bahagian E, tahap kemudahan rujukan dan Bahagian F, pendapat dan cadangan responden. Nilai kebolehpercayaan alat kajian ini ialah $\alpha = 0.8263$. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Science*) 12.0 untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap fizikal berada pada tahap sederhana manakala tahap sumber manusia, peralatan/bahan dan rujukan berada pada tahap rendah sekaligus menunjukkan bahawa SKM G7 mengalami banyak masalah. Beberapa saranan hasil daripada kajian dibincangkan.

Abstract : This research was conducted to investigate a smart partnership for “Sekolah Kurang Murid” in Segamat. This main focus of the research was to identify the level of facilities and to view the ideas of the SKM’s headmaster about the partnership. Four aspects of the level of facilities studied were about the level of physical facilities, human resources, equipments and reference. Six headmasters were selected as the respondents of the study. They are headmasters who were involved in the Gemilang 7 programme. Questionnaire was used to collect the data. The questionnaire is divided into six sections, which are demographic data of the respondents, level of physical resources, level of equipment facilities, level of reference facilities, and comments of the respondents. The reliability of the instrument is at $\alpha = 0.8263$. This research was analyzed by using SPSS 12.0 (*Statistical Package For Social Science*) to get the frequencies and percentage. The findings showed that that the facilities variable was moderate, whereas other factors such as human resource, references, and other facilities were low. These indicates that the G7 schools faced a lot of problems in terms of the aspects investigated. Several suggestions were also discussed.

Katakunci : program Gemilang 7 (G7)

Pengenalan

Pembangunan modal insan yang berkualiti adalah produk sistem pendidikan yang semestinya berkualiti juga. Hakikatnya pembangunan modal insan dan pendidikan merupakan kunci kepada maju mundurnya sesebuah negara. Malaysia kini berada diperingkat pertengahan dan sedang memasuki fasa 15 tahun kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Kepentingan pendidikan juga dapat dilihat daripada teras kedua Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk “minda kelas

pertama”. Bagi mencapai aspirasi ini, kerajaan memberikan penekanan ke arah usaha menambahbaik sistem pendidikan yang komprehensif daripada peringkat prasekolah hingga peringkat pengajian tinggi. Antara perkara yang menjadi fokus termasuk kurikulum dan pengajaran serta kemudahan sekolah dengan tumpuan utama meningkatkan taraf kemudahan yang dimiliki.

Jika ditinjau dari aspek modal insan, beliau menegaskan bahawa bagi memestikan modal insan dapat dimanfaatkan sebanyak mungkin, usaha akan digiatkan untuk merapatkan jurang pendidikan antara yang miskin dengan yang kaya, yang kurang upaya dengan yang bernasib baik dan yang di bandar dengan yang di luar bandar.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga akan mempertingkatkan kelas pemulihan di luar bandar sebanyak 5,000 buah kelas bagi memperkukuhkan penguasaan 3M iaitu; Membaca, Menulis dan Mengira. Malah, usaha turut diadakan untuk membestarikan sekolah luar bandar dengan memberi tumpuan khusus kepada sistem pengajaran dan pembelajaran termasuk penyediaan makmal komputer, pusat akses, kelengkapan *teleconferencing* dan web-TV serta sistem komunikasi termasuk telefon satelit dan faksimili.

Sehubungan itu, SKM G7 telah mengadakan pelbagai perkongsian dalam menjalankan aktiviti, program, atau projek untuk memastikan kecemerlangan akademik dan kokurikulum meningkat secara bersama khususnya dalam meningkatkan prestasi pencapaian murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Penyataan Masalah

Terdapat pelbagai isu yang berkaitan dengan SKM dalam usaha mempertingkatkan prestasi sekolah. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji tahap kemudahan yang terdapat di SKM kemudahan fizikal, sumber manusia, peralatan dan bahan, dan buku atau sumber rujukan yang terdapat di kalangan SKM G7. Kajian ini juga akan menganalisis pendapat Guru Besar SKM G7 tentang perkongsian kemudahan tersebut.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

- i) Menenalpasti kemudahan fizikal di Sekolah Kurang Murid.
- ii) Menenalpasti sumber manusia di Sekolah Kurang Murid.
- iii) Menenalpasti peralatan dan bahan di Sekolah Kurang Murid.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian dengan memilih tajuk ini adalah bagi menjelaskan mengenai perkara yang membantu kepada pembentukan SKM bagi memastikan wawasan pendidikan dengan Memperkasakan Sekolah Kebangsaan. Pengurusan yang cekap akan membawa kepada pencapaian tahap sekolah berkesan. Namun begitu amat kurang sekali sekolah yang dikatakan berkesan termasuklah SKM kerana terdapat kekangan-kekangan yang terpaksa dihadapi dalam proses membentuk sekolah sempurna atau berkesan. Oleh itu, di akhir kertas penyelidikan ini diberikan beberapa saranan untuk membantu pihak bertanggungjawab terutama pihak pentadbiran sekolah atau guru besar untuk memperkasakan sekolah mereka dan menjadi sekolah berkesan.

Program Gemilang 7 (G7)

Untuk memperkasakan SKM (Sekolah Kurang Murid) dan menyahut cabaran ‘Sekolah Cemerlang, Gemilang, Terbilang,’ maka tercetuslah ilham di kalangan Guru Besar SKM G7 untuk menubuhkan kelompok perkongsian pintar atau ‘GEMILANG 7’ yang terdiri daripada SKM di dalam Zon Kurikulum 1, Daerah Segamat pada 18 Februari 2005 (Jumaat) di SK. Spang Loi, Batu Anam, Segamat.

Objektif Kumpulan Gemilang 7

- i) Mewujudkan kepimpinan yang berkesan dikalangan G7
- ii) Menjadikan G7 sebagai penyumbang kepada peningkatan prestasi UPSR Daerah Segamat.
- iii) Menjadikan G7 sekolah yang gemilang dan berkesan.
- iv) Mewujudkan budaya kerja yang gemilang dan berfokus melalui kepakaran dalaman dan luaran.
- v) Memupuk semangat kerjasama antara sekolah-sekolah G7 dan masyarakatnya.
- vi) Melahirkan insan yang gemilang dan seimbang daripada masyarakat luar bandar.
- vii) Mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan G7 disamping dapat memupuk dan meningkatkan keupayaan jati diri di semua peringkat G7.

Kemudahan Fizikal

Kemudahan fizikal yang dapat dilihat di sekolah-sekolah G7 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah-sekolah G7, 2006

BIL	KEMUDAHAN FIZIKAL	SKSL	SKML	SKBB	SKKA	SKT	SKK	SKMP
1	Padang bola	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Ada	Ada
2	Bangunan 2 tingkat (baru)	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Ada	Ada	Tiada
3	Dewan	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
4	Bilik darjah	6	4	5	6	4	6	4
5	Telefon	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Tiada
6	Makmal computer	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
7	Jalan tar	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Tiada	Ada
8	Bilik guru	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Ada
9	Rumah guru	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada	Tiada
10	Elektrik dan air	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
11	Kantin	Ada	Ada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Ada
12	Kod badminton	Tiada	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada
13	Pembesar suara	Ada	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Ada	Ada
14	Kelas pra	Tiada	Tiada	Ada	Ada	Ada	Ada	Tiada

Data di atas adalah daripada pemerhatian awal penyelidik sahaja. Daripada (Jadual 1) dapatlah dirumuskan bahawa tidak semua SKM G7 mempunyai kemudahan fizikal yang mencukupi. Dengan kekurangan kemudahan fizikal, pastinya pencapaian prestasi sekolah yang cemerlang dalam pelbagai bidang sukar dicapai. Murid-murid tidak dapat diajar dan belajar dengan sempurna serta berkesan jika kemudahan fizikal tidak diatasi dengan segera. Sebarang aktiviti yang berkaitan dengan sukan, akademik dan lain-lain tidak dapat dilaksanakan jika tiada kemudahan fizikal tidak mencukupi.

Sehubungan itu, kerjasama dalam berkongsi kemudahan ini amatlah perlu demi untuk kemudahan dan keselesaan murid khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Usaha-usaha yang dilakukan dalam SKM G7 adalah seperti mengadakan kursus seperti kursus motivasi, kursus strategi menjawab soalan UPSR, kursus latihan dalaman untuk guru-guru G7, mengadakan latihan sukan dan unit beruniform bersama, mengadakan sukan dan permainan bersama, mengadakan solat hajat bersama, serta lain-lain aktiviti yang melibatkan kemudahan fizikal secara bersama.

Sumber Manusia

Merujuk kepada sumber manusia, SKM G7 masih kekurangan tenaga pengajar yang mana mengakibatkan jadual bercantun / kelas bercantum terpaksa dilaksanakan di semua sekolah G7. Selain daripada itu juga, kekurangan pakar atau guru berpengalaman juga menjadi salah satu faktor yang mengganggu proses P&P. Kekurangan tenaga dan kepakaran mengikut opsyen terutamanya matapelajaran Bahasa Inggeris menyebabkan SKM G7 mengalami kemerosotan dalam pencapaian keseluruhan UPSR. Pengaruh guru boleh memberi kesan kepada pencapaian prestasi sekolah. Kekurangan sumber manusia ini seperti guru yang tidak mencukupi, akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat juga SKM G7 yang tiada Pembantu Tadbir Rendah untuk membantu urusan pentadbiran sekolah. Hal ini sudah pasti akan menyebabkan guru-guru terpaksa menjalankan tugas menjawab surat dan menjalankan urusan pentadbiran bersama guru besar. Secara tidak langsung, bebanan tugas guru bertambah jika dibandingkan dengan sekolah yang mempunyai sumber manusia yang ramai.

Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai usaha telah dilakukan oleh SKM G7. Bagi mengatasi masalah kekurangan guru dan ketiadaan guru pakar dalam sesuatu bidang, SKM G7 telah mengadakan Program Pertukaran Guru Pakar sesama ahli G7. Jadual khusus akan diwujudkan, di mana Guru Pakar akan bergerak ke sekolah-sekolah G7 secara bergilir-gilir. Jika tiada Guru Pakar di dalam G7, maka G7 akan mendapatkan khidmat daripada Guru Pakar daerah melalui Pejabat Pelajaran Daerah untuk membantu. Para pelajar G7 yang akan ditempatkan di sebuah sekolah dalam G7 yang lengkap dengan kemudahan. Hanya dengan cara ini, masalah ini akan dapat di atasi.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Majid (1998), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena atau situasi yang sedang berlaku. Jenis penyelidikan ini adalah jenis tinjauan. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tahap kemudahan di SKM G7 dan menganalisis pendapat Guru Besar tentang perkongsian pintar dalam satu pasukan yang melibatkan tujuh buah sekolah kurang murid (SKM) dalam usaha melahirkan pelajar cemerlang. Data yang diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang dipilih mewakili populasi iaitu terdiri daripada Guru -Guru Besar Sekolah Kurang Murid (SKM). Seramai enam orang responden yang terlibat dalam Perkongsian Pintar Dalam Satu Pasukan di Daerah Segamat (G7). Mereka yang terlibat adalah merupakan Guru Besar SK. Spang Loi, Guru Besar SK. Balai Badang, Guru Besar SK. Mensudut Lama, Guru Besar SK. Mensudut Pindah, Guru Besar SK. Kampung Awat dan Guru Besar SK. Kemedak.

Bahan dan Peralatan

Kekurangan peralatan atau bahan juga telah sedikit sebanyak menjejaskan proses P&P di SKM G7. Kekurangan peralatan atau bahan adalah seperti ketiadaan mesin photostat yang sempurna, kekurangan kertas pendua, kekurangan bahan bantu mengajar seperti carta, koumputer, kit P&P dan lain-lain. Penyelenggaraan mesin pencetak juga amat mahal dan memerlukan kos yang tinggi untuk diperbaiki. Hal ini menyebabkan SKM G7 terpaksa berkongsi peralatan dan bahan untuk memastikan P&P berjalan dengan lancar.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh SKM G7 untuk mengatasi masalah ini iaitu seperti berkongsi menyewa mesin fotostat melalui syarikat tertentu yang diletakkan di sekolah tertentu, mendapatkan bantuan kertas pendua daripada pihak tertentu, berkongsi alatan mengajar, berkongsi menggunakan makmal komputer di SKM G7 yang ada makmal komputer, meminjam alatan seperti alatan pembesar suara dan lain-lain di kalangan SKM G7, serta lain-lain alatan atau bahan yang diperlukan terutama dalam proses P&P.

Permasalahan yang timbul ialah berkongsi atau meminjam alatan / bahan memakan masa, kos, birokrasi dan tenaga. Agak sukar jika alatan yang dipinjam atau dikongsi itu rosak atau hilang. Mengganti alatan tersebut memakan belanja yang tinggi kepada SKM G7. Kadang-kadang terpaksa melupakan sahaja hasrat berkenaan. Akibatnya aktiviti yang sepatutnya dilaksanakan terpaksa ditinggalkan begitu sahaja. Kejadian seumpama ini akan menyebabkan P&P murid terganggu dan seterusnya prestasi sekolah mula merosot. Mempunyai alatan / bahan sendiri lebih baik daripada meminjam atau berkongsi kerana ia dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos.

Responden Kajian

Responden kajian adalah terdiri daripada Guru Besar di enam buah sekolah SKM G7 di Zon Kurikulum 1, daerah Segamat. Sila lihat Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Senarai Responden Yang Terlibat Di Dalam Kajian

Nama Sekolah G7 yang Terlibat	Jumlah responden	Jumlah murid
SK Spang Loi	1 (Guru Besar)	117
SK Balai Badang	1 (Guru Besar)	103
SK Mendusut Lama	1 (Guru Besar)	63
SK Mendusut Pindah	1 (Guru Besar)	48
SK Kampong Awat	1 (Guru Besar)	87
SK Kemedak	1 (Guru Besar)	88
JUMLAH	6 responden	506

Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan borang soal selidik untuk memperolehi maklumat daripada subjek yang dikaji. Penyelidik ingin mengukur perbezaan ciri-ciri atau pembolehubah yang pelbagai dengan menggunakan borang soal selidik. Kandungan dan penyusunan borang soal selidik adalah bergantung kepada keperluan objektif penyelidik. Item-item kajian dibina sendiri berdasarkan apa yang hendak dikaji. Satu set borang soal selidik diberikan kepada responden terbahagi kepada lima bahagian iaitu Bahagian A hingga Bahagian E.

Merujuk kepada Jadual 3, Penyelidik menggunakan Skala Likert dengan mata di dalam borang soal selidik. Menurut Mohamad Najib (2003), dalam Skala Likert, subjek atau responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari

satu ekstrem kepada satu ekstrem yang lain, “Sangat Setuju” kepada “Sangat Tidak Setuju”. Jadual di bawah menunjukkan Skala Likert yang digunakan dalam kajian ini:

Jadual 3 : Skala Likert Lima Mata (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2003)

Skala	Sangat Setuju (SS)	Setuju (S)	Tidak Pasti atau Neutral (TP)	Tidak Setuju (TS)	Sangat Tidak Setuju (STS)
Skor	5	4	3	2	1

Soalan tertutup (*closed-ended*) digunakan dalam kajian ini. Soalan tertutup memerlukan responden memberikan jawapan dengan membuat pilihan daripada pilihan-pilihan yang telah ditetapkan oleh penyelidik dan ia memberikan data kuantitatif (Burke & Larry, 2000). Dalam soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik, responden perlu menjawab kesemua soalan dalam 6 bahagian.

Bahagian B – Kemudahan Fizikal di Sekolah.

Item yang berkaitan dengan tahap kemudahan fizikal adalah bermula dari item 1 hingga item 10. Dapatan kajian bagi setiap item bagi tahap kemudahan fizikal ini adalah sebagaimana dalam Jadual 4.

Jadual 4: Taburan Kekerapan dan Peratusan Berkaitan Tahap Kemudahan Fizikal di Sekolah Responden.

No item	Pemboleh ubah	Responden (%)		
		TS	TP	S
1	Kemudahan dewan yang lengkap (Min 3.00)	2 (33.3)	2 (33.3)	2 (33.3)
2	Padang yang boleh melaksanakan semua jenis aktiviti atau acara sukan (Min 3.67)	1 (16.7)	1 (16.7)	4 (66.7)
3	Gelanggang permainan seperti badminton dan sepak takraw (Min 1.83)	4 (66.7)	0 (0.00)	2 (33.3)
4	Kantin yang beroperasi sepanjang masa persekolahan (Min 4.67)	0 (0.00)	0 (0.00)	6 (100)
5	Bangunan kekal bertingkat (Min 4.33)	0 (0.00)	1 (16.7)	5 (83.3)
6	Bilik mesyuarat yang konduktif (Min 2.67)	3 (50.0)	1 (16.7)	2 (33.3)
7	Bilik darjah menepati standard yang mencukupi (Min 3.00)	3 (50.0)	0 (0.00)	3 (50.0)
8	Bilik guru yang sesuai (Min 2.33)	4 (66.7)	1 (16.7)	1 (16.7)
9	Makmal computer berhawa dingin yang lengkap (Min 3.33)	2 (33.3)	0 (0.00)	4 (66.7)
10	Pusat sumber yang lengkap	2	2	2

(Min 2.83	(33.3)	(33.3)	(33.3)
PURATA KESELURUHAN	35.0	13.33	51.7

Berdasarkan Jadual 4 di atas, analisis tahap purata secara keseluruhannya terhadap tahap kemudahan fizikal berada pada tahap sederhana iaitu pada nilai 51.7 peratus. Item 4 memberikan peratusan setuju yang tertinggi iaitu sebanyak 100 peratus (enam responden) bagi penyataan kantin yang beroperasi sepanjang masa persekolahan diikuti item 5 sebanyak lima responden bersetuju daripada 6 orang (83.3 peratus) bagi kenyataan mempunyai bangunan sekolah yang bertingkat serta peratus ketiga tertinggi setuju ialah bagi item 2 dan item 9 iaitu 66.7 peratus di atas maklumat padang yang boleh digunakan untuk semua jenis aktiviti sukan dan makmal komputer yang lengkap dan berhawa dingin (empat responden bersetuju daripada enam orang responden).

Bagi jawapan tidak setuju pula, menunjukkan peratusan keseluruhan kedua tertinggi iaitu 35.0 peratus berbanding jawapan tidak pasti peratus keseluruhan sebanyak 13.33 peratus. Item tertinggi yang menunjukkan jawapan tidak setuju ialah item 3 dan 8 dengan 66.7 peratus iaitu berada pada tahap sederhana (mempunyai gelanggang permainan seperti badminton dan sepak takraw serta bilik guru yang selesa dan sesuai) dengan empat responden daripada enam orang menyatakan tidak setuju. Item kedua tertinggi bagi jawapan tidak setuju ialah item enam dan tujuh sebanyak tiga responden (50.0 peratus) dan berada pada tahap sederhana. Item ketiga tertinggi bagi jawapan tidak setuju ialah bagi item 1, 9 dan 10 dengan peratusan 33.3 peratus atau dua orang responden daripada enam responden yang dikaji. Ini menunjukkan ia berada pada tahap rendah. Bagi jawapan tidak setuju yang paling rendah sekali ialah bagi item 2 sebanyak seorang responden (16.7 peratus) dan item 4 dan 5, tiada responden menjawab dengan sifar (0.00) peratus.

Bahagian C – Sumber Manusia di Sekolah:

Item yang berkaitan dengan tahap sumber manusia adalah bermula dari item 11 hingga item 20. Dapatan kajian bagi setiap item bagi tahap kemudahan fizikal ini adalah sebagaimana dalam Jadual 5.

Jadual 5 : Taburan Kekerapan dan Peratusan Tertinggi Berkaitan Sumber Manusia di Sekolah Responden.

No item	Pemboleh ubah	Responden (%)		
		TS	TP	S
11	Bilangan guru yang mencukupi (Min 3.33)	2 (33.3)	0 (00.0)	4 (66.7)
12	Mempunyai guru pakar Bahasa Malaysia (Min 4.33)	6 (100.0)	0 (00.0)	0 (00.0)
13	Mempunyai guru pakar Bahasa Inggeris (Min 1.33)	6 (100.0)	0 (00.0)	0 (00.0)
14	Mempunyai guru pakar Matematik (Min 1.33)	6 (100.0)	0 (00.0)	0 (00.0)
15	Mempunyai guru pakar Sains (Min 1.33)	6 (100.0)	0 (00.0)	0 (00.0)
16	Guru Khas Bimbingan Kaunseling (Min 1.33)	6 (100.0)	0 (00.0)	0 (00.0)
17	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang aktif	0	3	3

	(Min 1.33)	(00.0)	(50.0)	(50.0)
18	Guru pemulihan yang berpengalaman (Min 3.67)	5 (83.3)	0 (00.0)	1 (16.7)
19	Guru data yang mahir dalam ICT (Min 3.67)	0 (0.00)	2 (33.3)	4 (66.7)
20	Guru pemeriksa Kertas Peperiksaan yang berpengalaman luas (Min 2.00)	4 (66.7)	1 (16.7)	1 (16.7)
PURATA KESELURUHAN		68.33	10	21.7

Berdasarkan kepada Jadual 5 pula, peratusan purata tertinggi sekali ialah 68.33 peratus (tahap sederhana) bagi jawapan tidak setuju. Kedua tertinggi ialah setuju dengan purata keseluruhan berada pada 21.7 peratus (tahap rendah) dan ketiga tertinggi dengan jawapan tidak pasti sebanyak 10 peratus purata keseluruhan (tahap rendah).

Bagi jawapan tidak setuju, peratusan tertinggi (100 peratus atau kesemua responden memilih jawapan tidak setuju) ialah bagi item 12, 13, 14, 15, dan 16 dan berada pada tahap tinggi. Jawapan kedua tertinggi bagi jawapan tidak setuju ialah bagi item 18 (83.3 peratus atau lima orang responden memilih tidak setuju) dan berada pada tahap tinggi. Jawapan ketiga tertinggi ialah bagi item 20 (66.7 peratus atau empat responden memilih jawapan tidak setuju) dan berada pada tahap sederhana. Jawapan keempat tertinggi ialah bagi item 11 (33.3 peratus atau 2 orang responden memilih jawapan tidak setuju) dan berada pada tahap sederhana. Bagi item 17 dan 19 tiada jawapan dipilih responden iaitu bagi jawapan tidak setuju.

Bahagian D – Peralatan dan Bahan di Sekolah.

Item yang berkaitan dengan tahap peralatan dan bahan adalah bermula dari item 21 hingga item 30. Dapatan kajian bagi setiap item bagi tahap kemudahan fizikal ini adalah sebagaimana dalam Jadual 6.

Jadual 6: Taburan Kekerapan dan Peratusan Tertinggi Berkaitan Tahap Peralatan dan Bahan Di Sekolah Responden.

No item	Pemboleh ubah	Responden (%)		
		TS	TP	S
21	Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang mencukupi (Min 2.33)	4 (66.7)	1 (16.7)	1 (16.7)
22	Bilangan komputer yang mencukupi untuk pengajaran dan pembelajaran mengikut kapasiti murid (Min 2.00)	2 (33.3)	2 (33.3)	2 (33.3)
23	Alatan sukan yang mencukupi untuk acara sukan (Min 2.50)	3 (50.0)	2 (33.3)	1 (16.7)
24	Alat pembesar suara yang sesuai (Min 3.00)	1 (16.7)	3 (50.0)	2 (33.3)
25	Mesin fotostat yang berkualiti (Min 3.33)	2 (33.3)	0 (00.0)	4 (66.7)
26	Alatan Kemahiran Hidup yang lengkap (Min 2.83)	2 (33.3)	3 (50.0)	1 (16.7)

27	Mesin pencetak komputer yang mencukupi serta boleh beroperasi (Min 2.83)	2 (33.3)	3 (50.0)	1 (16.7)
28	Kemudahan internet tanpa gangguan (Min 3.00)	2 (33.3)	1 (16.7)	3 (50.0)
29	LCD yang berkualiti (Min 4.00)	0 (00.0)	1 (16.7)	5 (83.3)
30	Komputer riba yang mencukupi untuk guru-guru (Min 3.17)	2 (33.3)	1 (16.7)	3 (50.0)
PURATA KESELURUHAN		33.33	28.33	38.33

Merujuk Jadual 6, purata keseluruhan tertinggi ialah bagi jawapan setuju iaitu 38.33 peratus (tahap rendah), diikuti tidak setuju sebanyak 33.33 peratus (tahap rendah) dan tidak pasti sebanyak 28.33 peratus (tahap rendah). Ini menunjukkan bahawa tahap peralatan dan bahan di SKM G7 tidak menjadi masalah besar.

Bagi jawapan setuju, peratus tertinggi ialah bagi item 29 sebanyak 83.3 peratus atau lima orang responden membuat pilihan jawapan tersebut. Kedua tertinggi ialah bagi item 25 iaitu 66.7 peratus atau empat orang responden membuat pilihan. Ketiga tertinggi ialah bagi item 28 dan item 30 iaitu 50 peratus atau tiga orang. Keempat tertinggi ialah item 22 dan item 24 iaitu 33.3 peratus atau dua orang responden dan kelima tertinggi ialah item 21, 23, 26 dan 27 dengan peratus sebanyak 16.7 peratus atau seorang responden.

Bagi jawapan tidak setuju pula, peratus tertinggi dengan 66.7 peratus ialah bagi item 21 (empat responden). Kedua tertinggi ialah item 23 dengan 50 peratus atau tiga responden. Yang ketiga tertinggi ialah 33.3 peratus atau dua responden bagi item 22, 25, 26, 27, 28 dan 30. Keempat tertinggi ialah 16.7 peratus iaitu seorang responden iaitu bagi item 24 sahaja. Selebihnya iaitu bagi item 29 tiada pilihan dibuat (sifar).

Perbincangan Kajian

Kajian ini telah pun dijalankan di SKM G7 Batu Anam, Segamat dan SKM daerah Segamat dengan kerjasama Guru Besar SKM G7 dan Guru Besar SKM di daerah Segamat. Sekolah yang dikaji adalah merupakan SKM di daerah Segamat di mana SKM yang terbanyak sekali ialah di Batu Anam, Segamat. Untuk memperolehi data kajian, pengkaji telah menyediakan soal selidik rintis di SKM daerah Segamat dan soal selidik di SKM G7, di mana soal selidik rintis di SKM di daerah Segamat dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran awal tentang apa yang dikaji. Pada pendapat pengkaji, SKM ini mempunyai masalah yang sama dengan SKM G7. Selepas itu baharulah kajian dilakukan di SKM G7 yang terdiri daripada 6 buah sekolah sahaja dalam kumpulan itu. Kajian ini hanya melibatkan Guru Besar di sekolah tersebut sahaja kerana pada pandangan pengkaji, Guru Besar selaku pentadbir dan pengurus sekolah bertanggungjawab terhadap urusan sekolah dan perkongsian yang dijalankan. Tanpa persetujuan daripada Guru Besar, maka sudah pastinya perkongsian ini tidak dapat dilaksanakan.

Dapatan kajian adalah diharap dapat memberi maklumat penting bahawa para guru, pihak pentadbir sekolah dan semua pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan segera demi untuk memperkasakan sekolah kebangsaan serta sekolah berkesan seperti yang di war-warkan. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan perlu diteliti dan dilaksanakan secepat mungkin jika mahu melihat SKM terus maju, cemerlang, gemilang serta terbilang.

Dapatan kajian juga boleh digunakan sebagai garis panduan kepada guruguru dalam menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks perkongsian pintar SKM ini perlu diwujudkan kerana sedikit sebanyak ia dapat memberi sumbangan kepada P&P dan sekolah umumnya. Oleh itu adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pelbagai pihak, terutamanya SKM untuk sentiasa berusaha mengatasi kekurangan dan kelemahan serta menggunakan kekuatan, peluang dan sumber yang sedia ada demi untuk mencapai visi, misi dan matlamat yang telah ditetapkan. Dengan bergabung dalam satu kumpulan SKM akan dapat membantu menyelesaikan masalah yang sama atau hampir sama disamping menjadi kuat dan maju seperti sekolah-sekolah elit yang lain. G7 secara tidak langsung menjadi contoh kepada SKM lain untuk terus maju.

Rujukan

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahman Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.: 178
- Bourne, M & Bourne, P. (2002). *Balanced scorecard in a week*. London: Hodder&Stoughton.
- BPPDP (2003). *Kajian Analisis Kos Sekolah Kurang Murid*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Brookover, W. B. and Lezotte, L. W. (1979). *Changes in School Characteristics Coincidence with Changes in School Achievement*. East Lansing: Institute for research on Teaching, Michigan University.
- C. Bernard (1938). *The Functions of The Executives*. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, Jilid 5, 2004. hlm. 68.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, (1996). *Kamus Dewan*, Edisi ketiga.
- Edmonds, R. (1979). *Some School Work and More Can*. *Social Policy* 9(2), 28-32.
- Ghazali Othman (2001). <http://www.chs.usm.my/education/publication/jemputan.htm>.
- Haleefa Mahmood. (2008). *Faktor-faktor kelemahan yang mempengaruhi pencapaian cemerlang pelajar dalam mata pelajaran rekacipta di tiga buah sekolah menengah akademik di daerah Johor Bahru*. *Tesis Sarjana Muda*. UTM Skudai: Fakulti Pendidikan.
- Mohd Izham Hj. Mohd Hamzah & Jamalullail Abdul Wahab. (2006). *Pelaksanaan Sekolah Wawasan: Memenuhi Keperluan Kepelbagaian Pelajar dan Perpaduan Kaum*. *Journal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. IAB, KPM. Disember, 2006.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Noor Akmalwati Abd Rahman. (2000). *Kajian berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar Melayu tingkatan 4 dalam mata pelajaran matematik tambahan di SMT Kemamam, Terengganu*. *Tesis Sarjana Muda*. UTM Skudai: Fakulti Pendidikan.
- Omar Salleh.(2005). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pendidikan Islam di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Daerah Segamat*. *Tesis Sarjana*: Universiti Teknologi Malaysia Skudai: Fakulti Pendidikan.
- Panduan Pengurusan Sekolah Berkesan* (2006). Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rusmini Ku Ahmad. Julai, 2007. *Kerangka Komprehensif untuk penambahbaikan Sekolah Berkesan: Satu Kajian Eksploratori*. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan IAB, KPM*. Julai 2007.
- Salleh Long. (2008). *Terima Kasih Cikgu*. *Ehwal Pendidikan*, Bil. 15/2008, Jun, 2008; 10.